



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, DISEMBER DAN SUKU TAHUN KEEMPAT 2023

Bilangan penganggur terus menurun kepada 567.8 ribu orang pada Disember 2023, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus

PUTRAJAYA, 09 Februari 2024 – Bilangan penganggur terus menurun kepada 567.8 ribu orang pada Disember 2023, dengan kadar pengangguran 3.3 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Disember dan Suku Tahun Keempat 2023**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Disember 2023, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Trend guna tenaga yang positif dilihat pada bulan terakhir tahun 2023 mencerminkan asas ekonomi negara yang stabil, didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam aktiviti ekonomi dan sosial. Justeru, kedudukan tenaga buruh terus berkembang sepanjang bulan tersebut, seperti yang ditunjukkan oleh trend yang positif dalam penduduk bekerja dan serentak dengan penurunan dalam bilangan penganggur. Oleh itu, bilangan tenaga buruh kekal meningkat pada Disember 2023, dengan pertambahan sebanyak 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 17.03 juta orang (November 2023: 17.0 juta orang), merekodkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) yang lebih tinggi iaitu pada 70.2 peratus (November 2023: 70.1%)."

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menjelaskan bahawa bilangan penduduk bekerja terus berada pada trend positif, dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus merekodkan 16.46 juta orang berbanding bulan sebelumnya (November 2023: 16.43 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur terus menurun, dengan penurunan sebanyak 0.2 peratus mencatatkan 567.8 ribu orang (November 2023: 569.2 ribu orang). Kadar pengangguran pada bulan Disember 2023 kekal pada 3.3 peratus seperti pada bulan sebelumnya.

Mengulas lanjut mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Jumlah penduduk bekerja pada Disember 2023 terutamanya adalah terdiri daripada kategori pekerja, iaitu sebanyak 75.2 peratus. Kategori ini meningkat

sebanyak 0.1 peratus kepada 12.38 juta orang (November 2023: 12.37 juta orang). Begitu juga, trend peningkatan turut dapat dilihat dalam kategori bekerja sendiri, yang meningkat sebanyak 0.3 peratus kepada 3.0 juta orang (November 2023: 2.99 juta orang)."

Dari segi sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Maklumat & komunikasi; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Trend yang sama juga dilihat dalam bilangan penduduk bekerja sektor bagi Pembuatan, Pembinaan serta Perlombongan & pengkuarian pada bulan Disember 2023. Sementara itu, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pertanian terus menurun pada bulan tersebut.

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa 79.9 peratus daripada jumlah penganggur adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kategori ini berkurang sebanyak 0.2 peratus kepada 453.6 ribu orang (November 2023: 454.5 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan merangkumi 61.8 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah sebanyak 6.4 peratus. Begitu juga, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif, turun sebanyak 0.4 peratus kepada 114.2 ribu orang (November 2023: 114.7 ribu orang).

Pada Disember 2023, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal pada 10.6 peratus, dengan 307.2 ribu penganggur belia (November 2023: 10.6%; 308.5 ribu orang). Manakala, kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 30 tahun turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 6.4 peratus, mencatatkan 432.1 ribu penganggur belia (November 2023: 6.5%; 432.0 ribu orang). Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan luar tenaga buruh adalah berjumlah 7.23 juta orang, turun sebanyak 0.02 peratus pada Disember 2023 (November 2023: 7.24 juta orang). Sebab utama luar tenaga buruh adalah berikutan kerja rumah/ tanggungjawab keluarga dengan 42.6 peratus, diikuti oleh bersekolah/ latihan (41.2%).

Bagi prestasi keseluruhan pada suku tahun keempat 2023, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Pada suku tahun tersebut, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.5 peratus, mencatatkan 16.91 juta orang (ST3 2023: 16.82 juta orang). Oleh itu, KPTB kekal tidak berubah iaitu pada 70.1 peratus berbanding suku tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, bilangan penduduk bekerja naik sebanyak 0.6 peratus, mencecah seramai 16.35 juta orang pada suku tersebut (ST3 2023: 16.25 juta orang). Manakala, bilangan penganggur berkurang sebanyak 1.4 peratus kepada 565.0 ribu orang (ST3 2023: 573.1 ribu orang). Kadar pengangguran pada suku keempat 2023 merekodkan penurunan sebanyak 0.1 mata peratus kepada 3.3 peratus (ST3 2023: 3.4%)."

Di samping itu, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu meningkat sebanyak 0.5 peratus kepada 286.1 ribu orang pada suku ini (ST3 2023: 284.8 ribu orang). Pada masa yang sama, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta mampu dan sanggup menerima tambahan jam bekerja atau guna tenaga tidak penuh berkaitan masa turun sebanyak 3.9 peratus kepada 181.6 ribu orang, mencatatkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa sebanyak 1.1 peratus (ST3 2023: 189.0 ribu orang; 1.2%). Manakala, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, yang meliputi mereka yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah, menunjukkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus kepada 1.94 juta orang, mencatatkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran sebanyak 37.4 peratus (ST3 2023: 1.92 juta orang; 37.3%).

Dari segi kadar pengangguran dan KPTB mengikut negeri, W.P. Putrajaya dilaporkan dengan kadar pengangguran terendah iaitu pada 1.5 peratus pada suku tahun keempat 2023 berbanding semua negeri, diikuti oleh negeri Perlis (2.0%), dan negeri Pulau Pinang (2.0%). Sementara itu, sepuluh negeri mencatatkan peningkatan dalam KPTB, menunjukkan lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran. Negeri Selangor mencatatkan KPTB tertinggi iaitu pada 76.2 peratus, diikuti oleh W.P. Putrajaya (74.4%), dan W.P. Kuala Lumpur (73.7%).

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan tahun 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pada 2023, berdasarkan data purata bulanan, KPTB pada tahun tersebut meningkat sebanyak 0.7 mata peratus kepada 70.0 peratus berbanding 69.3 peratus pada tahun 2022. Sementara itu, kadar pengangguran turun sebanyak 0.5 mata peratus kepada 3.4 peratus pada 2023, berbanding 3.9 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Landskap pasaran buruh yang menggalakkan pada tahun 2023 mencerminkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan semakin baik sepanjang tahun, sekali gus secara beransur-ansur memulihkan kadar pengangguran untuk kembali ke tahap prapandemik. Berhubung dengan ini, data muktamad bagi tahun 2023 akan diterbitkan pada bulan Jun 2024."

Mengakhiri kenyataan tersebut, sejajar dengan prospek ekonomi Malaysia yang lebih baik pada 2024, disokong oleh peningkatan pelaburan langsung asing (FDI), pelancongan yang semakin meningkat, dan perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi, pasaran buruh negara akan turut mendapat impak positif. Peningkatan aktiviti pelancongan secara beransur-ansur akan mampu menjana aktiviti ekonomi dan mewujudkan kesan limpahan kepada sektor ekonomi lain yang berkaitan, sekali gus membuka lebih banyak peluang perniagaan serta mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan. Selain itu, susulan peralihan negara ke arah ekonomi yang lebih hijau, ianya akan mencipta peluang baharu untuk perniagaan berkembang maju. Oleh itu, akan wujud keperluan untuk membina kapasiti, seperti ketersediaan pekerja

berkemahiran tinggi dan penggunaan teknologi canggih dalam proses pengeluaran. Justeru, lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi akan diwujudkan pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan ini. Selaras dengan itu, pasaran buruh negara juga dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang kukuh dan stabil pada bulan-bulan yang akan datang, selari dengan perkembangan ekonomi semasa dan kemajuan teknologi, walaupun berdepan cabaran global dan trend pasaran yang berubah-ubah.

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari www.padu.gov.my bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian *hotline* berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720/ 1-800-88-7721
- ii) Aduan online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Disember 2020 - Disember 2023




Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Disember 2020 - Disember 2023



Carta 3: Pengangguran, Malaysia, ST2 2020 - ST4 2023




Carta 4: Bekerja kurang dari 30 jam, ST2 2020 - ST4 2023




$$\text{Kadar penduduk bekerja kurang dari 30 jam} = \frac{\text{Bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam}}{\text{Bilangan penduduk bekerja}}$$

Carta 5: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST2 2020 - ST4 2023




$$\text{Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa} = \frac{\text{Bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa}}{\text{Bilangan penduduk bekerja}}$$

Carta 6: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST2 2020 - ST4 2023



$$\text{Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran} = \frac{\text{Bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran}}{\text{Bilangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar}}$$

Carta 7: Luar tenaga buruh, Malaysia, ST2 2020 - ST4 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
09 FEBRUARI 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA,
DECEMBER AND FOURTH QUARTER 2023

The number of unemployed persons continued to fall to 567.8 thousand persons in December 2023, with an unemployment rate of 3.3 per cent

PUTRAJAYA, 09 February 2024 – The number of unemployed persons continued to fall to 567.8 thousand persons in December 2023, with an unemployment rate of 3.3 per cent, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, December and Fourth Quarter 2023**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Enlightening on the overall performance for December 2023, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The positive employment trends observed in the final month of 2023 were indicative of the stable nation's economic foundations, driven by a continuing growth in economic and social activities. Consequently, the labour force further expanded throughout the month, as indicated by a positive trend in employed persons and a concurrent decrease in the number of unemployed persons. Thus, the number of labour force remained increasing in December 2023, with an addition of 0.1 per cent month-on-month to 17.03 million persons (November 2023: 17.0 million persons), recording a higher labour force participation rate (LFPR) of 70.2 per cent (November 2023: 70.1%)."

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also stated that the number of employed persons continued on a positive trend, with a month-on-month increase of 0.2 per cent to record 16.46 million persons compared to the preceding month (November 2023: 16.43 million persons). Meanwhile, the number of unemployed persons continued to decline, with a reduction of 0.2 per cent to register 567.8 thousand persons (November 2023: 569.2 thousand persons). The unemployment rate in December 2023 remained unchanged at 3.3 per cent as in the previous month.

Elaborating further on the situation of employment, the Chief Statistician Malaysia said, "The total number of employed persons in December 2023 was primarily comprised of the employees' category, accounting for 75.2 per cent. This category rose by 0.1 per cent to 12.38 million persons (November 2023: 12.37 million persons).

Similarly, the rising trend was also seen in the own-account workers category, which increased by 0.3 per cent to 3.0 million persons (November 2023: 2.99 million persons)."

In terms of economic sectors, the Services sector continued to record a rise in the number of employed persons, notably in Information & communication; Food & beverage services; and Transportation & storage activities. A similar trend in the number of employed persons was also observed in the Manufacturing, Construction and Mining & quarrying sectors in December 2023. In the meantime, the number of employed persons in the Agriculture sector continued to decline during the month.

Commenting further on the unemployment situation during the month, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that 79.9 per cent of the total unemployed persons were actively unemployed or those who were available for work and were actively seeking jobs. This category edged down by 0.2 per cent to 453.6 thousand persons (November 2023: 454.5 thousand persons). Among the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months encompassed 61.8 per cent, while those who were in long-term unemployment for more than a year accounted for 6.4 per cent. Likewise, those who believed that there were no jobs available or the inactively unemployed, went down by 0.4 per cent to 114.2 thousand persons (November 2023: 114.7 thousand persons).

In December 2023, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 years stood at 10.6 per cent, with 307.2 thousand unemployed youths (November 2023: 10.6%; 308.5 thousand persons). Meanwhile, the unemployment rate among youth aged 15 to 30 years downed by 0.1 percentage points to 6.4 per cent, registering 432.1 thousand unemployed youths (November 2023: 6.5%; 432.0 thousand persons).

As for the inactivity group, the number of outside labour force was 7.23 million persons, which declined by 0.02 per cent in December 2023 (November 2023: 7.24 million persons). The main reason for the outside labour force was due to housework/ family responsibilities with 42.6 per cent, followed by schooling/ training (41.2%).

Summarising the overall performance for the fourth quarter of 2023, the Chief Statistician Malaysia said, "During the quarter, the number of labour force increased by 0.5 per cent, registering 16.91 million persons (Q3 2023: 16.82 million persons). Accordingly, the LFPR remained unchanged at 70.1 per cent compared to the last quarter. On the same note, the number of employed persons rose by 0.6 per cent, reaching 16.35 million persons during the quarter (Q3 2023: 16.25 million persons). Meanwhile, the number of unemployed persons reduced by 1.4 per cent to 565.0 thousand persons (Q3 2023: 573.1 thousand persons). The unemployment rate in the fourth quarter of 2023 recorded a reduction of 0.1 percentage points to 3.3 per cent (Q3 2023: 3.4%)."

In addition, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of persons who worked less than 30 hours per week increased by 0.5 per cent to 286.1 thousand persons during this quarter (Q3 2023: 284.8 thousand persons). On the same note, the number of persons who worked less than 30 hours per week and were able and willing to work additional hours or time-related underemployment fell by 3.9 per cent to 181.6 thousand persons, registering a time-related underemployment rate of 1.1 per cent (Q3 2023: 189.0 thousand persons; 1.2%). Nevertheless, skill-related underemployment, which includes those with tertiary education but working in semi-skilled and low-skilled occupations, saw a 0.7 per cent increase to 1.94 million persons, resulting in a skill-related underemployment rate of 37.4 per cent (Q3 2023: 1.92 million persons; 37.3%).

In terms of the unemployment rate and the LFPR by state, W.P. Putrajaya was reported as having the lowest unemployment rate at 1.5 per cent during the fourth quarter of 2023 across all states, followed by Perlis (2.0%), and Pulau Pinang (2.0%). Meanwhile, ten states posted an increase in LFPR, signifying more labour participation in the market. Selangor exhibited the highest LFPR at 76.2 per cent, followed by W.P. Putrajaya (74.4%), and W.P. Kuala Lumpur (73.7%).

Commenting on the overall performance of the year 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "In 2023, based on monthly average data, LFPR during the year rose by 0.7 percentage points to 70.0 per cent as against 69.3 per cent in 2022. Meanwhile, the unemployment rate dropped by 0.5 percentage points to 3.4 per cent in 2023, compared to 3.9 per cent recorded in the previous year. The favourable labour market landscape in 2023 reflects the promising and improving economic growth throughout the year, thus gradually reviving the unemployment rate back to the pre-pandemic level. In relation to this, the final data for the year 2023 will be published in June 2024."

Concluding the statement, in line with Malaysia's healthier economic prospects in 2024, supported by increased foreign direct investment (FDI), growing tourism, and higher infrastructure spending, the country's labour market may gain a positive impact. The gradual increase in tourism activities will be able to generate economic activity and create a spillover effect on other related sectors of the economy, thus opening up more business opportunities as well as the creation of various job opportunities. In addition, as the country transitions towards a greener economy, it will create new opportunities for businesses to thrive. Hence, there will be a need to build capacity, such as through the availability of highly skilled workers and the use of advanced technology in the production process. Therefore, more highly skilled jobs will be created in the future to meet this need. In line with this, the country's labour market is also expected to remain on a strong and stable growth track in the coming months, corresponding to the current economic developments and technological advances, despite global challenges and changing market trends.

Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720/ 1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, December 2020 - December 2023




Chart 2: Unemployment, Malaysia, December 2020 - December 2023




Chart 3: Unemployment, Malaysia, Q2 2020 - Q4 2023






Chart 4: Employed persons working less than 30 hours, Q2 2020 - Q4 2023



$$\text{Rate of employed persons less than 30 hours} = \frac{\text{Number of employed persons less than 30 hours}}{\text{Number of employed persons}}$$


Chart 5: Time-related underemployment, Q2 2020 - Q4 2023



Rate of time-related underemployment

$$= \frac{\text{Number of time-related underemployment}}{\text{Number of employed persons}}$$


Chart 6: Skill-related underemployment, Q2 2020 - Q4 2023



Rate of skill-related underemployment

$$= \frac{\text{Number of skill-related underemployment}}{\text{Number of employed persons with tertiary education}}$$

Chart 7: Outside labour force, Malaysia, Q2 2020 - Q4 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

09 FEBRUARY 2024